

UNSUR EUFEMISME DALAM PERIBAHASA MELAYU: ANALISIS SEMANTIK INKUISITIF

(Elements of Euphemism in Malay Proverbs: An Inquisitive Semantic Analysis)

Julaina Nopiah¹

julainanopiah@iium.edu.my

Fikratul Jahriyyah Anuar²

fikratuljahriyyah@gmail.com

Jabatan Bahasa Melayu, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM),
Gombak, 53100 Kuala Lumpur, Malaysia.^{1&2}

Pengarang Koresponden (Corresponding Author):¹

Rujukan makalah ini (To cite this article): Julaina Nopiah & Fikratul Jahriyyah Anuar. (2023). Unsur eufemisme dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Bahasa*, 23(1), 1–32. [http://doi.org.10.37052/jb23\(1\)no1](http://doi.org.10.37052/jb23(1)no1)

Peroleh: Received:	27/6/2022	Semakan: Revised	19/7/2022	Terima: Accepted:	21/3/2023	Terbit dalam talian: Published online:	18/4/2023
-----------------------	-----------	---------------------	-----------	----------------------	-----------	---	-----------

Abstrak

Eufemisme merupakan suatu ungkapan atau kata yang lebih lembut, sopan, dan manis didengar sebagai usaha untuk menggantikan ungkapan atau kata yang lebih kasar. Pengamatan orang Melayu terhadap keadaan sekeliling membolehkan mereka mencipta perlambangan berdasarkan objek yang wujud dengan tujuan berkias dan menyampaikan nasihat. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti dan menganalisis pengkonsepsian unsur eufemisme melalui objek manusia, haiwan, dan tumbuhan, serta merungkaikan makna tersirat di sebalik ungkapan peribahasa. Sejumlah 15 data peribahasa berjaya dikumpulkan daripada *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu* yang disusun oleh Abdullah Hussain dan laman sesawang Pusat Rujukan Sehenti Penyelidikan Alam Melayu oleh Institut Alam Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Pendekatan semantik inkuisitif dan subkonsep rangkaujuk silang (RRS), serta imej binaan diterapkan ke dalam kajian bagi menganalisis

data yang diperoleh. Hasil kajian memperlihatkan bahawa peribahasa berunsurkan eufemisme yang digunakan sejak dahulu sangat berkait rapat dengan kelakuan dan budaya masyarakat Melayu. Kiasan yang digunakan semasa berkomunikasi ini jelas mencerminkan ketajaman fikiran dan kekayaan bahasa orang Melayu. Analisis semantik yang diolah dengan tatakaedah yang tepat mampu menghuraikan makna yang tersirat yang menjadi sebahagian daripada akal budi Melayu.

Kata kunci: Peribahasa Melayu, eufemisme, akal budi Melayu, semantik inkuisitif, rangka rujuk silang, kiasan

Abstract

Euphemism is an expression or word that is more soft, polite, and sweet to hear as an effort to replace a harsher expression or word. The observation of the Malay people on their surrounding environment allows them to create a representation based on objects that exist for the purposes of speaking and offering advice. Thus, this study was conducted to identify and analyze the conception of euphemism through the objects of humans, animals, and plants as well as to discover the implicit meaning behind a proverbial expression. A total of 15 proverbs (data) were successfully collected from Kamus Istimewa Peribahasa Melayu compiled by Abdullah Hussain and the website of Pusat Rujukan Sehenti Penyelidikan Alam Melayu by the Institute of the Malay World and Civilization (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). The Inquisitive Semantics approach and Bridging Cross Reference (BCR) subconcept as well as constructed image were implemented in this study to analyze the data collected. The findings indicate that the euphemistic proverbs that were used since the olden times are closely related with the Malay people's conduct and culture. The figure of speech used when communicating clearly reflects the sharp-mindedness and richness of the Malay language. An adequate semantic analysis couched in an appropriate approach is able to describe implicit meanings that reflect aspects of the Malay mind.

Keywords: Malay proverb, euphemism, Malay philosophy, inquisitive semantics, bridging cross reference, metaphor

PENGENALAN

Bahasa melambangkan bangsa. Ungkapan ini jelas menunjukkan hubungan yang erat antara bahasa dengan kelakuan, sikap, dan pemikiran sesuatu bangsa yang dipaparkan melalui penggunaan bahasa dalam

kehidupan seharian. Penciptaan bentuk bahasa, seperti peribahasa adalah berdasarkan fenomena atau kejadian yang berlaku dalam kehidupan sebenar (Hamilton, 1947; Zaitul Azma & Ahmad Fuad, 2011). Kewujudan peribahasa di alam Melayu secara tidak langsung telah mengetengahkan aspek eufemisme dalam ucapan seharian. Eufemisme satu daripada kaedah yang dipraktikkan oleh masyarakat Melayu dengan menggunakan bahasa atau kata yang lebih halus dan sopan untuk menggantikan sesuatu kata yang dianggap sebagai kasar dan tidak sesuai dituturkan dalam komunikasi harian. Bukan itu sahaja, unsur eufemisme berjaya diasosiasikan dalam pertuturan masyarakat Melayu pada zaman dahulu, khususnya melalui kiasan Melayu, seperti peribahasa, bidalan, pantun, dan sebagainya. Hal ini menggambarkan sikap atau perilaku manusia pada masa tersebut yang mementingkan aspek kesantunan apabila berkomunikasi sesama manusia.

Secara amnya, pemikiran Melayu yang terpancar dalam peribahasa berkait rapat dengan sistem sosial, sistem nilai, budaya, adat, kepercayaan beragama, dan peradaban bangsa Melayu yang dirakamkan melalui ungkapan yang kreatif dan indah, seperti peribahasa (Zaitul Azma & Ahmad Fuad, 2011). Oleh itu, perlambangan unsur eufemisme dalam peribahasa sudah menjadi kelaziman dalam kehidupan seharian, khususnya perkara yang melibatkan hubungan sosial, pekerjaan, perilaku, pemikiran, dan nilai murni.

Oleh itu, kajian ini memfokuskan pemahaman yang lebih mendalam terhadap falsafah dan maksud di sebalik peribahasa Melayu berunsurkan eufemisme yang penuh dengan nilai akal budinya yang tersendiri. Makna peribahasa dapat dirungkaikan menerusi pengaplikasian pendekatan semantik inkuisitif yang dipelopori oleh Nor Hashimah (2014), berserta kaedah subkonsep rangka rujuk silang (RRS) cetusan Kempson (1986) menerusi Teori Relevans dan gambaran imej binaan. Imej binaan merupakan perlambangan sesuatu idea, gagasan dan skema imej daripada Lakoff (1987). Pemilihan perlambangan sesuatu idea dan gagasan ini digunakan kerana menjadi mekanisme untuk manusia menjelaskan perkara yang abstrak melalui sesuatu perkara yang jelas. Pengaplikasian pendekatan semantik inkuisitif sebagai landasan utama kajian memerlukan pengkaji mentafsirkan makna di sebalik peribahasa dengan menggunakan mata hati seperti yang diutarakan oleh Nor Hashimah (2014). Pemfokusan terhadap sesuatu objek adalah wajar bagi memperlihatkan kredibiliti pendekatan ini, sekali gus dapat menghuraikan akal budi dan falsafah orang Melayu.

Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan dengan menggariskan tiga objektif utama, iaitu mengenal pasti peribahasa yang berunsurkan

eufemisme dalam peribahasa Melayu, menganalisis peribahasa Melayu yang berunsurkan eufemisme menerusi pendekatan semantik inkuisitif dan menyingkap akal budi Melayu yang terdapat di sebalik peribahasa yang berunsurkan eufemisme. Oleh itu, kajian ini akan menganalisis leksikal dalam peribahasa bagi mencapai makna dalam peribahasa, sekali gus menyingkap makna akal budi dan falsafah peribahasa dalam pemikiran masyarakat Melayu.

PERNYATAAN MASALAH

Penelitian terhadap kajian lepas yang berhubung dengan unsur eufemisme dilihat banyak memberikan tumpuan terhadap data yang bersumberkan kajian dialek, novel dan drama. Kajian yang dilakukan oleh Balakrishnan et al. (2020) menemukan beberapa jenis eufemisme dalam novel yang dikaji. Antaranya termasuklah eufemisme jenis penggantian, bahasa kiasan, dan konotasi negatif. Kajian yang dilakukan oleh Nur Azimah et al. (2018) memfokuskan unsur eufemisme dalam novel yang menepati prinsip kesopanan Leech (1983).

Keupayaan semantik inkuisitif untuk menghuraikan falsafah dan akal budi melalui kaitan antara leksikal dengan makna tidak dapat disangkal lagi. Hal ini dapat dibuktikan melalui kajian yang dilakukan oleh Junaini dan Julaina (2021), dan Muhammad Zaid (2020).

Selain itu, pengkaji berpendapat bahawa kajian yang memfokuskan kiasan dalam karya warisan Melayu perlu dibanyakkan. Hal ini berikutan polemik yang berlaku dalam kalangan masyarakat Malaysia berkenaan kiriman yang telah dimuat naik oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka di platform media sosial rasminya, bertarikh 15 Oktober 2020, iaitu:

Apa guna berkain batik,
Kalau tidak memakai capal;
Apa guna beristeri cantik,
Kalau tak pandai menumbuk sambal.

Berdasarkan penelitian terhadap maklum balas yang diberikan oleh pengguna media sosial yang mengikuti akaun tersebut, masih banyak orang di negara ini yang hanya mentafsirkan pantun empat kerat secara dasar, negatif, dan tidak mendalam, sedangkan pantun tersebut sarat dengan perlambangan, serta terbuka kepada tafsiran yang lebih meluas. Dalam budaya Melayu, wujud ucapan berbentuk kiasan bagi menjelaskan sesuatu secara berlapis kerana sifat Melayu itu sendiri yang cenderung

untuk tidak berterus terang bagi menjaga air muka orang lain. Oleh itu, perlunya pemerhatian dan kajian yang lebih meluas terhadap warisan budaya Melayu, khususnya yang mempunyai unsur kiasan atau eufemisme, seperti peribahasa. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk mendedahkan falsafah dan akal budi orang Melayu terhadap susunan kata dalam peribahasa supaya masyarakat dapat memahami makna peribahasa dengan lebih tepat dan menghargai warisan budaya Melayu.

TINJAUAN LITERATUR

Pengkaji membincangkan bahagian ini menerusi dua aspek penelitian, iaitu sorotan kajian yang memfokuskan unsur eufemisme, dan penelitian yang memfokuskan akal budi sebagai aspek kajian.

Kajian Berunsurkan Eufemisme

Menurut Zuraidah (2009), masyarakat Melayu sangat terkenal sebagai masyarakat yang mementingkan kesopanan. Aspek kesopanan ini bukan sahaja terserlah daripada perlakuan, malah tutur katanya. Satu daripada strategi kesantunan yang digunakan oleh masyarakat Melayu ialah eufemisme. Oleh itu, muncul kajian yang mengetengahkan unsur eufemisme sebagai strategi kesantunan berbahasa masyarakat Melayu. Contohnya, Deana (2009) telah mengetengahkan penggunaan unsur eufemisme dalam novel melalui istilah **pembawa budak** yang bermaksud perempuan yang sedang mengandung. Sementara itu, Jamilah Bebe dan Noriah (2016) memfokuskan tabu dekorum, iaitu perihal kehidupan masyarakat seharian dari segi tingkah laku dan moral, ketertiban atau kesopanan.

Siti Norashikin dan Ernawita (2017) pula telah mengenal pasti unsur eufemisme dan membincangkan faktor unsur eufemisme yang digunakan dalam novel yang dikaji. Pengkaji tersebut menemukan 35 unsur eufemisme, serta mendapati **keadaan** dan **usia** sebagai dua faktor penggunaan unsur eufemisme dalam novel yang dikaji.

Penelitian berhubung unsur eufemisme turut menjadi pilihan Balakrishnan et al. (2020). Pengkaji tersebut meneliti jenis eufemisme yang wujud dalam novel *Ranggau* berlandaskan pendekatan eufemisme yang diperkenalkan oleh Allan dan Burridge (1991). Unsur eufemisme jenis konotasi negatif, penggantian, dan bahasa kiasan telah ditemukan dalam penulisan novel yang dikaji itu.

Kajian Akal Budi Melayu

Sementara itu, kajian “Semantik dan Akal Budi Melayu” pula bukan sekadar berjaya menghuraikan keindahan akal budi Melayu melalui pantun dan peribahasa Melayu, malah menghasilkan satu tatacara atau pendekatan untuk mengkaji makna dalam bahasa Melayu. Pendekatan tersebut dikenali sebagai semantik inkuisitif. Melalui pendekatan ini, lahirnya kajian yang memerikan pencungkilan akal budi Melayu, seperti kajian yang dilakukan oleh Julaina dan Nur Yasmin (2022), Julaina et al. (2017a, 2017b, 2018), Junaini et al. (2016), Muhammad Zaid dan Mary Fatimah (2019), Nor Hashimah (2015), Nor Hashimah dan Maslida (2018), dan Suriati dan Nor Hashimah (2016). Dalam usaha mengaitkan bahasa dengan akal budi, ilmu semantik seharusnya dikembangkan (Nor Hashimah, 2014). Kajian terhadap ungkapan berkonsep, seperti peribahasa tidak seharusnya terhenti sekadar pada peringkat harfiah dan kognitif (Nor Hashimah, 2014, 2018). Walaupun kajian pada peringkat kognitif banyak merungkaikan aspek pemikiran yang terdapat dalam peribahasa, masih terdapat kedangkalan kajian pada peringkat analisis makna. Persoalan, seperti alasan objek kaki dipilih sebagai mauduk kajian seharusnya dijawab bagi melengkapkan analisis pada peringkat makna. Selain bahasa dan konteks, aspek budaya ialah perkara penting yang perlu dikaitkan untuk menjawab persoalan sebegitu kerana peribahasa dan budaya saling berkait antara satu dengan lain (Hassan, 2003, 2016). Hal ini jelas seperti yang diperkatakan oleh Kovecses (2015) yang membahaskan kepentingan konteks dalam budaya dalam kajian metafora.

Dalam kehidupan bermasyarakat, antara perkara yang dititikberatkan oleh masyarakat Melayu termasuklah kesantunan dan kesopanannya dalam berkomunikasi. Oleh itu, satu daripada cara orang Melayu terdahulu memberikan tunjuk ajar kepada pewarisnya tanpa menjatuhkan air muka orang lain adalah melalui peribahasa. Bahren Umar (2010) menyatakan bahawa masyarakat Melayu menggunakan peribahasa untuk memberikan tunjuk ajar, menegur dan melahirkan gagasan fikiran terhadap sesuatu perkara. Selain itu, orang Melayu juga mempercayai peribahasa “terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya” yang menyebabkan orang Melayu mempunyai sifat berhati-hati apabila menyuarakan pendapat atau suara hati (Maniyamin, 1998). Kenyataan ini menunjukkan ketinggian akal budi orang Melayu ketika mengamalkan budaya bersopan santun secara tidak langsung. Dalam ilmu linguistik, terutamanya dalam bidang semantik, antara fenomena yang mampu mencetuskan persoalan yang

berkaitan dengan peribahasa termasuklah kaitan antara objek (lambang) dengan maknanya (Ismet & Rebecca, 2003).


Peredaran ilmu yang sentiasa berkembang mendorong kewujudan kajian ini. Kebanyakan kajian menumpukan peribahasa pada peringkat harfiah dan kognitif. Melalui kajian ini, penulis ingin meneliti peribahasa pada peringkat aras yang lebih mendalam, iaitu akal budi Melayu. Setiap pilihan kosa kata yang terdapat dalam metafora Melayu pasti mempunyai justifikasi dan falsafahnya yang tersendiri (Nor Hashimah, 2014, 2018). Adunan elemen budaya dan falsafah yang terdapat dalam pendekatan inkuisitif diharapkan dapat menjawab persoalan tentang alasan sesuatu objek dipilih dalam kajian ini. Melalui kajian ini, penulis meneliti peribahasa pada aras yang lebih mendalam, iaitu akal budi Melayu, menerusi penggunaan unsur eufemisme dalam peribahasa Melayu.

METODOLOGI

Secara keseluruhannya, kajian ini bersifat kualitatif, serta menumpukan pembacaan dan penelitian yang rinci terhadap aspek peribahasa, khususnya dalam korpus kajian. Oleh itu, kajian ini banyak merujuk maklumat yang terdiri daripada fakta, gambaran pancaindera, ulasan makna dan konsep, serta ciri yang mempunyai kaitan dengan kajian. Kajian kualitatif yang berbentuk deskriptif ini melibatkan pemerhatian dan analisis dokumen bagi mendapatkan data. Data dikumpulkan melalui dua kaedah yang meliputi kaedah kepustakaan dan analisis teks. Kedua-dua kaedah ini dilakukan pada permulaan proses pengumpulan data kajian yang terdiri daripada peribahasa Melayu berunsurkan eufemisme. Sebanyak dua rujukan kajian dimanfaatkan dalam kajian ini, iaitu *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu Edisi Kedua* yang disusun oleh Abdullah Hussain (2017) dan laman sesawang Pusat Rujukan Sehenti Penyelidikan Alam Melayu (<http://malaycivilization.ukm.my>).

Setelah berjaya mengenal pasti 15 peribahasa Melayu berunsurkan eufemisme, pengkaji mengelompokkannya kepada tiga kelompok berdasarkan objek dalam peribahasa. Kelompok pertama ialah peribahasa berunsurkan eufemisme menerusi objek manusia. Kelompok kedua ialah peribahasa berunsurkan eufemisme menerusi objek haiwan. Kelompok ketiga ialah peribahasa berunsurkan eufemisme menerusi objek tumbuhan. Setiap kelompok terdiri daripada lima peribahasa. Perangkaan makna peribahasa kemudiannya dilakukan menerusi pengaplikasian pendekatan semantik inkuisitif yang dipelopori oleh Nor

Hashimah (2014), berserta kaedah subkonsep rangka rujuk silang (RRS) cetusan Kempson (1986) menerusi Teori Relevans dan gambaran imej binaan. Pengaplikasian pendekatan semantik inkuisitif sebagai landasan utama kajian memerlukan pengkaji untuk mentafsirkan makna di sebalik peribahasa dengan menggunakan mata hati. Hal ini dilakukan untuk menyingkap falsafah dan akal budi yang terkandung dalam pemaknaan peribahasa tersebut pada aras yang paling dalam. Analisis yang berlaku dalam pendekatan semantik inkuisitif ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1 Aliran proses penganalisan data menerusi pendekatan semantik inkuisitif.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dalam bahagian ini, pengkaji memilih satu peribahasa daripada setiap kelompok objek, berserta domain yang telah ditetapkan untuk ditafsirkan maknanya. Kemudian, analisis secara lebih saintifik dan mendalam dilakukan oleh pengkaji dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif (Nor Hashimah, 2014).

PERIBAHASA BERUNSURKAN EUFEMISME MENERUSI OBJEK

Eufemisme Menerusi Objek Manusia

Subtopik ini akan membincangkan analisis peribahasa berunsurkan eufemisme berobjekkan manusia sebagaimana yang telah dipaparkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Peribahasa berunsurkan eufemisme berobjekkan manusia.

Bil.	Peribahasa	Maksud	Domain
1.	Bagai berlaki anak	Perempuan yang buruk kelakuannya	Sifat semang
2.	Berbuat kerja seperti Mak Judai	Seseorang yang membuat kerja setengah jalan kerana malas	Sifat
3.	Bagai gadis julung bersubang	Orang yang angkuh atau sangat berlagak kerana baru mendapat kekayaan atau dinaikkan pangkat	Sifat
4.	Bagai anak dara sudah berlaki	Anak gadis yang pemalas, tidak sopan, dan pengotor	Sifat
5.	Puteri lilin	Perempuan yang tidak tahan panas atau wanita yang tidak pernah melakukan sebarang kerja tetapi hanya hidup untuk menjaga kecantikan diri	Sifat


Dengan berdasarkan Jadual 1, penetapan domain dilakukan berdasarkan makna yang didukungnya. Contohnya, peribahasa **bagai anak dara sudah berlaki** bermaksud anak gadis yang pemalas, tidak sopan dan pengotor. Peribahasa ini berhubung kait dengan perilaku atau sifat seseorang yang pemalas, tidak sopan dan pengotor. Oleh hal yang demikian, domain peribahasa ini ditetapkan sebagai domain **sifat**, begitu juga dengan peribahasa **berbuat kerja seperti Mak Judai**. Peribahasa ini bermaksud seseorang yang membuat kerja setengah jalan kerana malas. Oleh itu, domain peribahasa ini ditetapkan sebagai domain sifat. Bagi peribahasa berunsurkan eufemisme yang berobjekkan manusia, peribahasa **bagai gadis julung bersubang** akan dipilih oleh pengkaji untuk dianalisis secara lebih mendalam.

Analisis Tahap 1: Semantik Skrip

Melalui makna harfiah, peribahasa **bagai gadis julung bersubang** bermaksud orang yang angkuh atau sangat berlagak kerana baru memperoleh harta kekayaan atau dinaikkan pangkat. Selain menggunakan perlambangan melalui objek manusia, iaitu gadis, peribahasa ini turut mempamerkan keadaan seseorang itu, iaitu keadaan gadis yang telah bersubang. Analisis tahap 2 seterusnya akan menghuraikan proses kognitif yang berlaku dalam minda penutur Melayu dan menjelaskan proses yang memotivasikan makna harfiahnya.

Analisis Tahap 2: Semantik Resonans

Dalam peribahasa ini, terdapat beberapa proses kognitif yang mendorong kewujudan elemen yang berkaitan dengan peribahasa tersebut. Terdapat beberapa proses kognitif yang memotivasikan elemen dalam peribahasa tersebut. Pertama, menerusi penggunaan leksikal **gadis**. Kedua, menerusi leksikal **julung**. Ketiga, menerusi leksikal **bersubang**. Proses kognitif ini ditunjukkan dalam Rajah 2.



Rajah 2 Imej binaan peribahasa bagi **gadis julung bersubang**.

Menerusi Rajah 2, secara jelasnya, peribahasa ini telah menggunakan analogi **gadis julung bersubang** sebagai orang yang angkuh atau berlagak kerana baru memperoleh harta kekayaan atau dinaikkan pangkat. Makna peribahasa ini menunjukkan pemikiran orang Melayu yang cuba menyindir seseorang dengan ungkapan yang begitu mudah difahami dan sangat halus sifat penyampaianya, iaitu dengan mengumpamakan perbuatan **bersubang** kali pertama itu dengan sifat **angkuh** dan **sangat berlagak**. Dalam budaya Melayu, terdapat satu adat resam yang menjadi amalan masyarakat Melayu pada ketika dahulu yang dikenali sebagai adat bertindik (Zainal Abidin, 2016). Selain adat melenggang perut, adat menempah bidan, adat mandi sampat, dan adat potong pusat, masyarakat Melayu pada waktu dahulu turut menjadikan amalan bertindik sebagai budaya (Ismail, 2008). Masyarakat Melayu lama telah menjadikan adat resam bertindik pada telinga kanak-kanak sebagai suatu upacara yang harus dilakukan secara khusus. Semasa upacara ini dilakukan, kenduri turut diadakan oleh tuan rumah. Pada masa dahulu, perbuatan bertindik ini akan dilakukan oleh bidan atau individu tertentu. Telinga kanak-kanak itu lazimnya akan ditindik dengan menggunakan sejenis duri atau jarum

(Abdul Samad, 1990). Jika imej binaan peribahasa ini dilihat semula, leksikal yang digunakan ialah **gadis**, bukannya **kanak-kanak perempuan**. Berdasarkan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005), leksikal **gadis** bermaksud anak perempuan yang sudah baligh, iaitu suatu peringkat umur yang sudah boleh berkahwin, atau dikenali juga dengan panggilan anak dara oleh masyarakat Melayu. Secara umumnya, penentuan umur **baligh** bagi anak perempuan ditandai oleh menstruasi atau kedatangan haid yang lazimnya dialami oleh perempuan pada usia antara sembilan tahun hingga 16 tahun (Syaikh Kamil, 2008).

Dalam masyarakat Melayu, anak perempuan yang ditindik telinganya berusia antara lima tahun hingga sembilan tahun (Abdul Samad, 1990). Menerusi aspek perbandingan ini, masyarakat Melayu pada masa lalu telah mengkonsepsikan keadaan **gadis** yang bertindik kali pertama pada usia telah **cukup umur** itu sebagai **orang yang angkuh dan sangat berlagak** disebabkan oleh peringkat usia begitu bukanlah peringkat kebiasaan bagi masyarakat Melayu bertindik. Pada usia ini, naluri semula jadi wanita untuk menghias diri telah ada. Gadis akan memakai subang atau anting-anting sebagai perhiasan. Gadis yang julung atau pertama kali memakai subang tentu akan berasa bangga dan ingin menunjuk-nunjuk. Sifat keterujaan yang lazimnya dikaitkan dengan keadaan **pertama kali** ini memberikan tafsiran berbentuk negatif, iaitu perasaan **angkuh dan berlagak** seperti yang terdapat dalam makna harfiah peribahasa ini. Bagi menghuraikan fenomena ini dengan lebih lanjut, perbincangan diteruskan dengan melihat contoh penggunaan peribahasa ini yang diambil daripada Mohamed Mustafa (2022) seperti yang berikut:

Beliau, menghadapi pelbagai kecaman, penghinaan dan maruah yang tercalar teruk. Di ketika inilah, karisma dan kepemimpinan Ismail Sabri mula terserlah dengan pendekatan tenang, sabar dan berhemah menghadapi tohmahan PH yang pada ketika itu ibarat kaduk naik junjung dan *****seperti gadis julung bersubang*****

Berdasarkan ayat ini, ungkapan **seperti gadis julung bersubang** tidak mempunyai anteseden yang nyata untuk merujuk makna sebenar peribahasa ini. Namun begitu, menerusi pengaplikasian rangka rujuk silang (RRS), ungkapan tersebut dapat difahami dengan cara meneliti konteks ayat tersebut melalui maklumat tambahan yang dirujuk. Kesan konteks atau kesan kognitif merupakan andaian awal yang ada pada

pembaca tentang maklumat yang relevan dengan diri pembaca (Julaina & Nur Maizatul Maisarah, 2020). Berdasarkan ayat tersebut, peribahasa ini dapat difahami dengan merujuk silang maklumat tambahan pada ayat sebelumnya. Jika diperhatikan dalam ayat tersebut, kehadiran frasa **kepimpinan Ismail Sabri** dan **tohman PH** merupakan dua rujukan yang memberikan maklumat tambahan berhubung dengan situasi politik negara Malaysia. Kesan konteks yang tinggi membantu merendahkan usaha memproses maklumat, seterusnya membolehkan seseorang itu memahami ungkapan tersebut. Dalam konteks politik di Malaysia, tarikh 9 Mei 2018 merupakan tarikh bersejarah yang diingati oleh rakyat Malaysia. Pada tarikh ini, kerajaan baharu di bawah pimpinan Pakatan Harapan (PH) telah dipilih setelah menumbangkan Barisan Nasional (BN) yang memerintah selama 60 tahun. Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) yang disifatkan sebagai ibu pilihan raya telah menyaksikan Pakatan Harapan (PH) yang terdiri daripada parti DAP, PKR, Amanah dan Bersatu telah memenangi 113 daripada 222 kerusi parlimen dan membentuk kerajaan baharu yang diketuai oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ketujuh (Bernama, 2018). Oleh itu, dengan berbantuan konteks dalam ayat tersebut, pembaca dibantu untuk mentafsirkan maksud tersirat peribahasa tersebut. Dalam konteks ayat ini, situasi tersebut menjelaskan keadaan kerajaan PH yang baru kali pertama berkuasa dan mengumpamakannya **sebagai gadis julung bersubang**. Seperti gadis yang teruja untuk memakai subang buat kali pertama, begitulah juga dikaitkan dengan situasi keterujaan menggalas pucuk pimpinan yang baharu buat kali pertama. Ungkapan ini dianggap sebagai seiring dengan keadaan Pakatan Harapan yang secara tiba-tiba atau julung kalinya berkuasa.

Analisis Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Berdasarkan huraian makna peribahasa mengikut semantik skrip dan semantik resonans tersebut, konsep **gadis julung bersubang** yang merujuk konsep angkuh atau terlalu berlagak telah dihuraikan. Dalam bahagian ini, semantik inkuisitif akan menjadi tulang belakang. Gagasan utama semantik inkuisitif ialah penerokaan secara mendalam untuk menjawab soalan “kenapa, kenapa dan kenapa” dengan mengutamakan falsafah dan akal budi Melayu sebagai sasaran untuk mentafsirkan makna yang lebih tepat. Menurut Nor Hashimah (2014), perkara tersirat harus dikaji dengan “mata hati” agar kupasan makna tidak terhenti pada tahap permukaan dan

kognitif. Oleh itu, satu persoalan yang harus dicungkil dalam peribahasa **bagai gadis julung bersubang** ialah alasan orang Melayu memilih leksikal **gadis**, bukannya **kanak-kanak**. Hal ini dikatakan demikian kerana adat bertindik dalam kalangan masyarakat Melayu biasanya dilakukan pada usia kanak-kanak, iaitu antara usia lima tahun hingga sembilan tahun (Abdul Samad, 1990). Oleh hal yang demikian, masyarakat Melayu julung kali bersubang pada peringkat kanak-kanak, bukannya peringkat gadis seperti yang terdapat dalam ungkapan peribahasa ini.

Antara sebab leksikal **gadis** digunakan dalam peribahasa yang jenis perumpamaan ini termasuklah fitrah semula jadi wanita yang suka berhias diri dan kelihatan cantik. Seandainya dilihat dari perspektif adat dan budaya Melayu, wanita yang bergerak selari atau memenuhi ciri feminin tradisional ialah wanita yang memberikan penekanan terhadap penampilan tubuh badan atau rupa bentuk dengan cara menyerlahkan ciri kekemasan, suka berkemas atau menjaga wajahnya. Wanita juga turut digambarkan dengan sifat lemah lembut, bertimbang rasa, penyayang, cantik dan suka berhias, serta bersopan santun (Suhadan & Salmah Jan, 2016). Perihal kecantikan wanita Melayu tradisional boleh dilihat melalui gambaran sifat puteri dalam masyarakat tradisional seperti yang terkandung dalam Hikayat Hang Tuah yang diambil daripada Kassim Ahmad (1997) seperti yang berikut:

Maka ada kepada suatu hari datang orang Inderapura mengatakan anak Bendahara Seri Buana di Inderapura itu terlalu baik rupanya, Tun Teja namanya ... rupanya terlalu amat elok seperti bulan empat belas hari bulan, gilang-gemilang kilau-kilauan, tiada dapat ditentang olehnya.

Jika diamati, terdapat beberapa falsafah yang dikenal pasti boleh menjadi pendorong penciptaan peribahasa ini, iaitu masyarakat Melayu pada masa dahulu sangat menitikberatkan perihal adab dan tingkah laku anak gadis. Hal ini terserlah dalam pantang larang masyarakat Melayu yang ditujukan untuk golongan wanita, khususnya anak gadis. Contohnya, pantang larang **anak dara jangan duduk di tangga, nanti tak ada yang masuk meminang** serta **anak dara jangan menyanyi di dapur, nanti kahwin dengan orang tua**. Kedua-dua pantang larang ini masih kedengaran sehingga hari ini walaupun dikatakan kurang relevan dan dianggap karut semata-mata.

Walau bagaimanapun, boleh dikatakan bahawa pantang larang ini sebenarnya bertujuan untuk mendidik masyarakat, khususnya generasi

muda, supaya dapat menerapkan nilai yang baik yang dapat diamalkan dalam kehidupan. Dalam hal ini, orang Melayu beranggapan bahawa akhlak dan pekerti anak gadis perlu dipelihara. Walaupun hukum bersubang dalam kalangan wanita mengikut agama Islam adalah harus, perhiasan itu hanya boleh dilihat oleh suami dan muhrimnya. Hal ini dikatakan demikian kerana telinga termasuk dalam aurat wanita yang wajib ditutup. Hal ini dapat dilihat melalui hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud dalam Muhammad Nashiruddin Al-Bani (2007), iaitu:

Hai Asma! Sesungguhnya perempuan itu apabila ia telah dewasa (sampai umur), maka tidak patut menampakkan sesuatu dari dirinya, melainkan ini dan ini. Sambil Rasulullah menunjukkan muka dan kedua telapak tangan hingga pergelangannya sendiri.

Hadis ini jelas menunjukkan perintah supaya gadis yang telah cukup umurnya menutup aurat masing-masing. Seluruh tubuh gadis yang telah baligh (cukup umur) itu aurat, melainkan muka dan kedua-dua telapak tangan hingga pergelangannya seperti yang dinyatakan dalam Al-Quran (33:59) dengan terjemahan seperti yang berikut:

Wahai Nabi, suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan yang beriman, supaya melabuhkan pakaiannya bagi menutup seluruh tubuhnya semasa mereka keluar; cara yang demikian lebih sesuai untuk mereka dikenal sebagai perempuan yang baik-baik maka dengan itu mereka tidak diganggu. Dan ingatlah bahawa Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Dalam ayat ini, secara jelasnya, Allah telah memerintahkan wanita untuk menutup aurat dengan sempurna. Hal ini untuk mengelakkan pandangan mata yang tidak baik, selain supaya ditanggapi sebagai wanita yang berakhlak baik.

Dalam konteks peribahasa ini, keadaan gadis yang bersubang dikaitkan dengan fitrah wanita yang suka berhias dan menyukai perhiasan. Walaupun perhiasan merupakan cara wanita untuk mencantikan diri, perbuatan bercantik-cantik ini perlulah mengikut batasan syarak. Janganlah disebabkan oleh perhiasan yang dipakai, seseorang wanita itu sanggup membuka aurat dan mengingkari perintah Allah. Jika dilihat fesyen pada masa ini, terdapat fesyen bertudung yang mempamerkan telinga dan subang dengan jelasnya. Walaupun kelihatan seolah-olah bertudung, hakikatnya wanita itu masih belum menutup aurat dengan sempurna.

Fesyen itu pada hakikatnya hanya mencantikkan wanita secara zahir dan luaran. Kecantikan yang paling penting ialah akhlak yang baik kerana itulah kecantikan sebenar bagi wanita. Oleh itu, jelaslah bahawa peribahasa ini bukan sekadar kiasan yang berbentuk sindiran semata-mata, tetapi berlatarbelakangkan falsafah tentang pegangan terhadap ajaran al-Quran. Walaupun gambaran keterujaan memakai subang buat pertama kali itu secara logiknya tidak memberikan gambaran yang tidak elok, ungkapan tersebut merujuk perasaan bermegah-megah sehingga mendatangkan sifat **angkuh** dan **berlagak** seperti yang terdapat dalam makna harfiah peribahasa ini.

Eufemisme Menerusi Objek Haiwan

Dalam subtopik ini, pengkaji akan menghuraikan analisis peribahasa berunsurkan eufemisme berobjekkan haiwan seperti yang dipaparkan dalam Jadual 2. Domain dalam jadual diperoleh melalui kata adjektif yang menonjol dalam setiap maksud peribahasa. Pengkaji telah memilih untuk menganalisis peribahasa **bagai gagal menggonggong telur** secara lebih terperinci.

Jadual 2 Peribahasa berunsurkan eufemisme berobjekkan haiwan.

Bil.	Peribahasa	Maksud	Domain
1.	Bagai gagal menggonggong telur	Perempuan hodoh berpakaian bagus	Sifat
2.	Alim bagai katak di tepi air	Orang yang banyak ilmu tetapi dirinya tidak mendapat faedah daripada ilmunya sendiri	Sifat
3.	Badak makan anak	Orang yang membuang anaknya sendiri kerana tidak mahu menanggung malu dan sebagainya	Perbuatan
4.	Hilang pelanduk berganti kijang	Perempuan yang bercerai daripada suaminya yang hina kemudian berkahwin dengan lelaki yang mulia	Sifat
5.	Yang pipit sama pipit, yang enggang sama enggang	Berkawan dengan yang sama taraf dan kedudukan	Kedudukan


Analisis Tahap 1: Semantik Skrip

Tahap ini menunjukkan makna peribahasa pada peringkat harfiah sahaja. Dalam konteks ini, peribahasa **bagai gagak menggonggong telur** merujuk sifat perempuan yang kurang cantik, tetapi berpakaian bagus atau cantik.

Analisis Tahap 2: Semantik Resonans

Proses kognitif yang berlaku dalam peribahasa **bagai gagak menggonggong telur** dapat dilihat melalui pengkonsepsian elemen yang diwakili oleh leksikal **gagak**, **menggonggong**, dan **telur**. Gagak sejenis burung yang bersifat hitam, gelap, dan hodoh (Syauqi et al., 2018). Selain sifat fizikalnya yang dilihat negatif, gagak juga dianggap sebagai haiwan yang kotor oleh masyarakat Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana gagak tinggal di tempat yang kotor, lazimnya di tempat pengumpulan sampah, serta makan bangkai dan makanan yang busuk dan berkulat. Oleh itu, melalui proses kognitif ini, perempuan yang hodoh telah disamakan dengan seekor gagak berdasarkan sifat fizikalnya yang buruk. Selain itu, leksikal **menggonggong** pula merupakan kata kerja. Berdasarkan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2010), kata **menggonggong** bermaksud membawa atau memegang dengan mulut atau paruh. Jika maknanya diterjemahkan secara harfiah daripada peribahasa **bagai gagak menggonggong telur**, leksikal **menggonggong** diibaratkan sebagai memakai atau mengenakan pakaian. Hal ini merujuk kelakuan perempuan hodoh yang dinyatakan dalam makna peribahasa tersebut.

Seterusnya, elemen telur dikonsepsikan sebagai objek yang putih dan cerah. Kulit telur mempunyai tekstur yang bergelombang, kasar, dan dilitupi 17,000 liang kecil. Unsur binaannya terdiri daripada sebatian kristal kalsium karbonat (CaCO_3) yang merupakan komponen utama bagi cangkerang siput dan mutiara (Parsons, 1982). Kewujudan sebatian ini sebagai komponen utama kulit telur menjadikannya berwarna putih. Menurut masyarakat Melayu, warna putih melambangkan kebaikan dan kesucian. Bukan itu sahaja, warna putih sering dianggap sebagai warna yang mewakili kecantikan. Jika dikaitkan dengan makna peribahasa **bagai gagak menggonggong telur**, telur diibaratkan sebagai sesuatu yang cantik kerana sifat fizikalnya yang berwarna putih dan cerah. Oleh itu, proses kognitif yang berlaku dalam peribahasa ini mewujudkan perumpamaan yang memberikan makna perempuan hodoh yang berpakaian bagus. Proses kognitif di sebaliknya peribahasa ini ditunjukkan dalam Rajah 3.



Rajah 3 Imej binaan peribahasa **bagai gagak menggonggong telur**.

Peribahasa ini melambangkan perempuan yang hodoh, tetapi tetap bergaya dan berpakaian cantik. Penggunaan peribahasa **bagai gagak menggonggong telur** yang ditemukan Asiah (2015) dalam data korpus berikut menyerlahkan proses kognitif yang memotivasikan penggunaan leksikal **gagak** sebagai simbol eufemisme dalam minda penutur Melayu.

Perempuan yang buruk itu sering berpakaian cantik dan bertukar ganti fesyen ****bagai gagak menggonggong telur****.

Peringkat analisis ini melibatkan pengaplikasian rangka rujuk silang (RRS) bagi peribahasa **bagai gagak menggonggong telur** yang merujuk keadaan atau kelakuan seseorang, khususnya perempuan yang kurang elok rupa parasnya, tetapi tetap memilih untuk berpakaian cantik, serta pandai bergaya. Premis tambahan yang ringkas, tetapi jelas, seperti klausa **perempuan yang buruk itu sering berpakaian cantik** dan frasa **bertukar ganti fesyen** memudahkan pengkaji memahami makna peribahasa yang terkandung dalam data korpus ini. Selain itu, frasa **bertukar ganti fesyen** secara tidak langsung memberikan penekanan terhadap premis tambahan sebelumnya. Hal ini dikatakan demikian kerana lazimnya, individu yang gemar berfesyen pasti akan memilih pakaian yang elok dan cantik untuk dipakai. Sehubungan dengan itu, premis tambahan tersebut mengukuhkan klausa **perempuan yang buruk itu sering berpakaian cantik** yang terkandung dalam data korpus ini. Pertautan antara klausa dengan peribahasa dilakukan dengan mudahnya, serta maksud peribahasa dapat digambarkan dengan tepatnya. Berdasarkan data korpus kedua, **perempuan yang buruk** diibaratkan sebagai seekor gagak, manakala **berpakaian cantik** pula diumpamakan sebagai sebiji telur. Konteks dalam

ayat data korpus ini telah membantu pengkaji untuk mentafsirkan maksud tersirat di sebalik peribahasa yang digunakan.

Analisis Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Pada tahap ini, pengkaji telah menimbulkan persoalan terhadap peribahasa, iaitu bagaimanakah pengkonsepsian burung gagak dan telur melambangkan penampilan perempuan? Bagi menjawab persoalan ini, pengkaji telah melihat aspek saintifik yang terdapat pada kedua-dua objek tersebut. Burung gagak atau nama saintifiknya, *Corvus brachyrhynchos* merupakan sejenis burung berkelas *Aves* dalam keluarga Corvidae, iaitu keluarga gagak (Bradford, 2017). Spesies burung ini mempunyai kepala yang bulat dan kecil dengan paruh berbentuk kerucut yang kuat, memanjang dan runcing. Sifat fizikal gagak yang paling ketara ialah warnanya yang hitam. Oleh itu, hal ini memperlihatkan gagak sebagai seekor burung yang hodoh dan menyeramkan. Jika dikaitkan dengan peribahasa **bagai gagak menggonggong telur** dan makna yang diberikan, gagak diibaratkan sebagai perempuan yang hodoh. Hal ini disebabkan oleh fizikalnya yang berwarna hitam. Dalam kepercayaan masyarakat Melayu, warna hitam disinonimkan dengan perkara negatif, busuk, dan tidak baik. Warna hitam juga dikaitkan dengan unsur negatif, seperti penyakit campak, hingga wujudnya mantera yang diasosiasikan dengan warna tersebut yang ditemukan dalam Gimlett seperti yang dinyatakan dalam Che Husna Azhari (1999) seperti yang berikut:

aku tahu asalmu tujuh beradik
kamu jadi daripada dedeh yang hitam
keluar daripada roma yang hitam
kamu keluar daripada kulit yang hitam
kamu keluar daripada daging yang hitam
kamu keluar daripada urat yang hitam
kamu keluar daripada lendir yang hitam
kamu keluar daripada tulang yang hitam

Oleh itu, hal ini mengukuhkan pandangan bahawa warna hitam merupakan warna yang kurang digemari oleh masyarakat Melayu lantaran stigma yang wujud terhadap warna tersebut. Selain itu, habitat dan sifat gagak yang kotor turut mendorong masyarakat untuk memandang jelik terhadap spesies burung ini. Sisi negatif gagak, terutamanya sifat luarannya yang hodoh dijadikan sebagai perlambangan eufemisme dalam

peribahasa **bagai gagak menggonggong telur** yang diibaratkan sebagai perempuan yang kurang elok rupanya. Namun begitu, apakah falsafah di sebalik perlambangan ini? Bagi menjawab persoalan ini, pembacaan pengkaji tidak terhenti pada objek gagak sahaja. Pengkaji turut melihat perkaitan telur dalam peribahasa tersebut.

Dalam peribahasa yang dikaji ini, telur burung merupakan objek yang paling relevan untuk dikaitkan. Hal ini dikatakan demikian kerana saiznya yang kecil dan sesuai dengan bukaan mulut burung gagak untuk digonggong. Secara umumnya, telur terdiri daripada tiga komponen utama, iaitu cangkerang luar atau kulit telur, putih telur, dan kuning telur (Nys & Guyot, 2011). Namun begitu, bagi perbincangan dalam kajian ini, pengkaji mengecilkan skop kepada cangkerang telur sahaja. Menurut Nys dan Guyot (2011), secara umumnya, berat setiap kulit telur lebih kurang 11% daripada berat telur. Lapisan kulit telur terbentuk daripada bahan organik yang merangkumi 94% kalsium karbonat (CaCO_3), 1% kalsium fosfat ($(\text{Ca}_3(\text{PO}_4)_2)$), satu peratus magnesium karbonat (MgCO_3), dan 4% bahan organik lain, seperti protein. Sebatian yang membentuk kulit telur ini menyebabkannya berkapur dan berwarna putih. Jika diselarikan dengan peribahasa **bagai gagak menggonggong telur**, perbezaan ketara yang dapat dilihat adalah dari segi warna antara gagak dengan telur. Warna telur yang cerah dan putih memperlihatkan objek tersebut sebagai benda yang lebih cantik. Bukan itu sahaja, warna putih juga amat sinonim dengan perlambangan harum, suci dan baik. Warna putih turut dipercayai menjadi penawar penyakit dan telah digunakan dalam mantera yang berasal dari Kelantan yang ditemukan dalam Gimlett seperti yang dinyatakan dalam Che Husna Azhari (1999) seperti yang berikut:

ong tawar maha tawar, tawar sa-ratus sembilan puluh bukan ah
 empunya tawar, Dato Mengkadom Puteh yang empunya tawar
 turun tawar daripada gurda yang puteh
 turun tawar daripada gajah yang puteh
 turun tawar daripada batu yang puteh
 turun tawar daripada darah yang puteh
 turun tawar daripada tulang yang puteh
 turun tawar daripada hati yang puteh

Selain itu, menurut Skeat seperti yang dinyatakan dalam Che Husna (1999), warna putih ialah warna diraja. Menurut Syed Ahmad Jamal seperti yang dinyatakan dalam Che Husna (1999) pula, warna putih merupakan warna yang sinonim dengan pengantin. Hal ini dikatakan demikian

kerana adat Melayu menggunakan warna serba putih bagi peralatan dan pakaian pengantin. Sehubungan dengan itu, jelaslah bahawa warna putih melambangkan kecantikan dalam budaya masyarakat Melayu.

Namun begitu, perihal sifat fizikal telur yang berwarna putih sahaja tidak mengukuhkan justifikasi kewujudan peribahasa ini. Oleh itu, pengkaji menyoroti konsep telur dalam masyarakat Melayu. Telur merupakan antara elemen terpenting dalam kehidupan seharian orang Melayu, khususnya dari aspek sosiobudaya. Misalnya, telur digunakan sebagai bahan dalam pulut kuning ketika upacara warisan turun-temurun orang Melayu, seperti majlis berkhatan. Penggunaan telur dalam majlis ini disimbolikan sebagai harapan supaya kanak-kanak yang bakal berkhatan akan menjadi teruna yang sejati. Selain itu, telur turut menjadi pelengkap majlis kenduri kahwin masyarakat Melayu pada masa dahulu. Wakil keluarga pengantin akan menghias kantung atau bakul kecil dan meletakkan telur ke dalamnya sebelum memberikannya kepada pengantin. Pemberian ini sebenarnya melambangkan telur sebagai zuriat bagi pasangan pengantin. Oleh itu, telur menjadi kiasan dan harapan bagi pengantin supaya dikurniakan zuriat. Jelaslah di sini bahawa konsep telur dalam kehidupan masyarakat Melayu amat tinggi nilainya. Sehubungan dengan itu, pengkaji bersetuju untuk mengaitkan sifat cantik dan bernilai pada telur ini dengan makna peribahasa **bagai gagak menggonggong telur**, iaitu pakaian yang cantik. Perkaitan antara unsur alam bermula daripada gagak sehingga telur ini jelas memperlihatkan ketinggian pemikiran dan akal budi yang terdapat dalam masyarakat Melayu.

Berdasarkan peribahasa dan makna yang diberikan, akal budi yang berjaya dicungkil adalah dari segi penampilan seseorang. Setiap insan suka akan kecantikan dan ingin menjadi cantik kerana kecantikan merupakan naluri semula jadi manusia, khususnya wanita. Bagi pengkaji, kecantikan tidaklah terletak pada sifat luaran sahaja. Hal ini dikatakan demikian kerana Allah SWT menciptakan manusia sebaik-baiknya sebagaimana firman Allah SWT (Al-Quran, 95:4) dengan terjemahan seperti yang berikut:

Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang
sebaik-baiknya.

Menerusi terjemahan ayat al-Quran tersebut, jelas terbukti bahawa semua ciptaan Allah SWT indah dan hal tidak patut disangkal. Definisi cantik bagi setiap manusia adalah berbeza kerana kecantikan ialah perkara

subjektif. Perbincangan berkenaan sifat cantik ini tidak akan selesai kerana pandangan mata dan pilihan setiap manusia itu berlainan. Namun begitu, terdapat satu kecantikan yang setiap manusia pasti akan bersetuju tentangnya. Kecantikan tersebut ialah kecantikan dari segi hati dan sifat. Hati yang cantik ialah hati yang murni dan sentiasa berusaha untuk melihat kebaikan dalam setiap perkara. Jika seseorang itu berhati mulia, segala perkara yang berkaitan dengannya akan kelihatan cantik walaupun penampilan dirinya hanyalah biasa-biasa sahaja pada pandangan mata manusia. Tambahan lagi, Allah SWT telah berfirman (Al-Quran, 7:26) yang bermaksud:

Hai anak Adam, sesungguhnya Kami telah menurunkan kepadamu pakaian untuk menutup auratmu dan pakaian indah untuk perhiasan. Dan pakaian takwa itulah yang paling baik. Yang demikian itu adalah sebahagian dari tanda-tanda kekuasaan Allah, mudah-mudahan mereka selalu ingat.

Berdasarkan ayat tersebut, Allah SWT tidak menghalang hamba-Nya untuk berpakaian cantik. Perihal tersebut adalah naluri bagi setiap manusia, namun perlulah mengikut garis panduan yang ditetapkan dalam Islam. Hal ini dikukuhkan lagi dengan sabda Rasulullah SAW melalui Ibn Mas'ud dalam Riwayat Muslim (147) seperti yang berikut:

Sesungguhnya Allah itu cantik dan sukakan kepada kecantikan.

Sehubungan dengan itu, tidaklah menjadi kesalahan jika seseorang wanita yang rupa parasnya dianggap biasa-biasa sahaja pada pandangan mata manusia ingin berpakaian cantik kerana perkara tersebut ialah fitrah manusia. Bahkan, penampilannya akan menjadi lebih cantik jika diserlahkan dengan ketakwaannya kepada Allah SWT dan kebbaikannya kepada manusia. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa **bagai gagak menggonggong telur** ini bukanlah sekadar merujuk sifat luaran wanita yang hodoh dan gemarkan pakaian yang cantik sahaja, tetapi falsafahnya yang tinggi dan tersirat itu menyebabkan masyarakat berfikir dan kembali mensyukuri nikmat pemberian Allah SWT, serta berusaha untuk menjadi hamba yang lebih bertakwa.

Eufemisme Menerusi Objek Tumbuhan

Menerusi subtopik ini, pengkaji akan menjelaskan analisis peribahasa berunsurkan eufemisme berobjekkan tumbuhan seperti yang dipaparkan

dalam Jadual 3. Domain yang diperoleh bagi semua peribahasa adalah berdasarkan kata adjektif yang terdapat dalam setiap makna peribahasa. Peribahasa **umur setahun jagung** telah dipilih untuk dianalisis dengan lebih terperinci.

Jadual 3 Peribahasa berunsurkan eufemisme berobjekkan tumbuhan.

Bil.	Peribahasa	Maksud	Domain
1.	Umur setahun jagung	Orang yang masih muda, kurang berakal, dan tidak berpengalaman	Pangkat
2.	Umpama kasihkan bunga seceper	Kerana kasihan kepada orang banyak disia-siakan kaum yang seorang	Perasaan
3.	Umpama durian dengan timun	Orang yang lemah tidak boleh melawan orang yang kuat kerana baik buruknya orang yang lemah itu yang akan beroleh binasa	Kedudukan
4.	Umpama bunga dedap sungguh merah berbau tidak	Orang yang elok dan tampan tetapi tidak berbudi bahasa	Sifat
5.	Umpama buah kepayang, dimakan mabuk, dibuang sayang	Sesuatu yang amat disayangi tetapi merosakkan	Perasaan

Analisis Tahap 1: Semantik Skrip


Peribahasa **umur setahun jagung** umumnya difahami sebagai orang yang usianya muda dan kurang berpengetahuan kerana masih mentah, serta kurang pengalaman hidup. Secara harfiahnya, peribahasa ini menonjolkan sifat orang muda yang masih mentah dan kekurangan dalam banyak perkara. Hal ini bertepatan dengan domain yang ditetapkan oleh pengkaji, iaitu domain pangkat kerana melibatkan perbezaan umur. Berdasarkan huraian, jelaslah bahawa peribahasa ini merupakan kiasan bagi orang yang lebih muda, kurang ilmu, dan kurang pengalaman dalam sesuatu perkara.

Analisis Tahap 2: Semantik Resonans

Pengkonsepsian peribahasa **umur setahun jagung** ini boleh difahami dengan lebih mendalam menerusi proses kognitif yang wujud dalam pemikiran masyarakat Melayu zaman dahulu. Kata **umur** dalam *Kamus*

Dewan Edisi Keempat (2005) didefinisikan sebagai jangka masa. Jangka masa ini merujuk umur atau hayat seseorang sejak dilahirkan. Seterusnya, **setahun jagung** pula merujuk sifat muda. Menerusi hasil carian pengkaji, **setahun jagung** membawa maksud terlalu muda dan berumur 100 hari, iaitu bersamaan tiga bulan (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2010). Pada zaman dahulu, aktiviti bertani merupakan pekerjaan yang amat sinonim dalam kalangan masyarakat Melayu. Walaupun tumpuan utama dalam sektor pertanian ialah pekerjaan tradisi, iaitu penanaman padi, mereka turut melaksanakan kegiatan pertanian sampingan, seperti menanam pelbagai tumbuhan yang terdiri daripada jagung, ubi kayu, ubi keledek, pisang, dan sebagainya. Oleh itu, ungkapan setahun jagung yang diertikan sebagai 100 hari atau tiga bulan merujuk jangka masa tanaman jagung tersebut boleh dituai.

Pengkonsepsian yang wujud dalam peribahasa **umur setahun jagung** ini dilihat amat relevan. Hal ini dikatakan demikian kerana perlambangan orang yang masih muda, kurang berakal dan tidak berpengalaman ini dilihat bersesuaian dengan jangka masa yang diperlukan untuk menuai hasil tanaman tumbuhan ini. Secara tepatnya, jagung boleh dituai dalam tempoh antara 68 hari hingga 72 hari selepas ditanam. Tempoh masa tersebut dianggap begitu singkat. Jika dilihat dari aspek kehidupan manusia, jangka hayat tersebut dianggap sebagai singkat untuk seseorang itu menimba pengalaman dalam sesuatu perkara. Maka, tidak hairanlah jika orang yang berusia muda diibaratkan sebagai individu yang berumur **setahun jagung** kerana masih banyak ilmu yang perlu dipelajari dan terlalu banyak perkara yang belum diteroka dalam kehidupan berbanding dengan orang yang lebih tua. Proses kognitif yang berlaku untuk memaknakan peribahasa **umur setahun jagung** ini digambarkan dalam Rajah 4.



Rajah 4 Imej binaan peribahasa **umur setahun jagung**.

Umur setahun jagung merupakan peribahasa berkaitan umur yang biasanya ditujukan kepada orang yang lebih muda. Pengkaji berjaya menemukan bukti linguistik yang memaparkan penggunaan peribahasa berteraskan pangkat ini (Marini, 2015) melalui data korpus yang berikut:

Anak kurang ajar! ****Umur setahun jagung**** dah pandai nak bergaduh dengan orang tua!" Kak Tom sudah menjelma menjadi singa betina. Badannya yang gedempol mengembang seolah-olah hendak menelan sahaja Umar yang berdiri di hadapannya.

Berdasarkan petikan ayat dalam data korpus ini, peribahasa **umur setahun jagung** merujuk Umar yang dimarahi oleh Kak Tom. Premis tambahan yang terkandung dalam ayat yang sama, iaitu **bergaduh dengan orang tua** mengukuhkan perumpamaan yang diucapkan oleh Kak Tom kepada Umar. Melalui ungkapan tersebut, pengkaji dapat membuat andaian bahawa Umar merupakan individu yang lebih muda daripada Kak Tom. Hal ini dibuktikan melalui premis **anak kurang ajar** dalam petikan data korpus tersebut. Penggunaan leksikal **kak** dalam panggilan nama **Kak Tom** turut menunjukkan bahawa orang yang sedang marah itu lebih berusia daripada Umar. Menerusi data korpus ini, Umar dilihat sebagai orang yang lebih muda dan diumpamakan sebagai **setahun jagung**. Lazimnya, perumpamaan **umur setahun jagung** ini digunakan oleh masyarakat Melayu bagi merujuk individu atau golongan yang lebih muda, serta tidak mempunyai banyak pengalaman dalam hidup. Orang tua zaman dahulu dikatakan lebih **makan garam** dan sudah banyak pengalaman yang dilalui dalam kehidupan sehingga menjadikan pangkat atau kedudukannya lebih tinggi dan mulia berbanding dengan orang muda yang dianggap sebagai tidak mengetahui apa-apa.

Analisis Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Peribahasa **umur setahun jagung** memperlihatkan jagung sebagai objek berunsurkan eufemisme, manakala domainnya ialah pangkat yang mewakili peringkat umur. Makna bagi peribahasa ini, iaitu orang yang lebih muda dan kurang berpengalaman diketahui secara umum. Namun begitu, mengapakah peribahasa ini menggunakan jagung sebagai perlambangan umur yang lebih muda? Bagi menjawab persoalan ini,

pengkaji menelusuri maklumat yang berkaitan dengan jagung terlebih dahulu bagi mengetahui dengan lebih lanjut berkenaan tumbuhan tersebut. Jagung atau nama saintifiknya *Zea Mays* merupakan tanaman bijian yang berasal dari selatan Mexico dan kemudian tersebar luas ke Amerika Syarikat, Asia dan Afrika melalui kegiatan perdagangan oleh bangsa Eropah. Tumbuhan ini dikatakan menjadi sumber makanan ruji ketiga utama di dunia selepas beras dan gandum. Selain menjadi sumber makanan manusia, tumbuhan ini turut digunakan untuk menghasilkan produk tertentu, seperti etanol jagung, makanan haiwan, pati jagung, dan sirap jagung.

Oleh sebab jagung ditanam untuk tempoh satu musim sahaja dalam setahun, tempoh yang diperlukan oleh jagung untuk matang adalah antara 80 hari hingga 150 hari atau bersamaan dengan tempoh antara tiga bulan hingga empat bulan sahaja. Masa yang begitu singkat ini diasosiasikan dengan peribahasa ini bagi mewakili domain pangkat umur. Pada pengamatan pengkaji, masyarakat Melayu zaman dahulu menyara hidupnya dengan bekerja sebagai nelayan dan petani dengan cara menanam padi. Tambahan juga, tanaman sampingan, seperti jagung, turut diusahakan. Oleh itu, pengamatan petani pada masa lalu terhadap tempoh yang diperlukan oleh jagung untuk masak dan dituai ini mewujudkan peribahasa ungkapan **setahun jagung** yang sinonim dengan jangka masa tiga bulan atau empat bulan. Daripada ungkapan ini, wujudlah peribahasa **umur setahun jagung** yang bermaksud orang yang masih muda, kurang berakal dan tidak berpengalaman yang dikaitkan dengan pangkat umur. Unsur eufemisme yang diterapkan melalui objek jagung ini jelas membuktikan ketinggian adab masyarakat Melayu yang mementingkan nilai kesantunan ketika berbahasa.

Walau bagaimanapun, mengapakah orang muda sering dikaitkan dengan sifat kurang berilmu dan tidak berpengalaman? Jika diteliti dengan lebih terperinci, makna abstrak peribahasa **umur setahun jagung** ini sendiri memaparkan justifikasinya yang tersendiri. Pertama, tempoh yang singkat tersebut melambangkan jangka masa yang diperoleh bagi seseorang untuk menuntut ilmu dan mencari pengalaman. Sehubungan dengan itu, disebabkan tempoh masa yang singkat, iaitu selama tiga hingga empat bulan sahaja, sesuatu ilmu yang dipelajari itu amat sedikit, begitu

juga dengan pengalaman yang diperoleh. Kaitan antara makna peribahasa dengan perlambangan jagung yang digunakan ini jelas membuktikan ketinggian ilmu dan daya fokus yang mantap terhadap alam sekeliling dalam kalangan masyarakat Melayu.

Berdasarkan pemaknaan peribahasa tersebut, pengkaji berjaya mengenal pasti dan menyingkap akal budi di sebaliknya. Ungkapan peribahasa **umur setahun jagung** ini sering diucapkan oleh orang yang lebih tua kepada orang yang lebih muda. Sehubungan dengan itu, akal budi di sebalik peribahasa ini ialah menghormati orang yang lebih tua. Peribahasa ini berfungsi sebagai peringatan kepada orang yang lebih muda agar menjaga tingkah laku dan bahasa ketika bergaul dengan orang yang lebih berusia. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat yang lebih berusia sudah mempunyai pengalaman yang banyak dan lebih arif tentang sesuatu ilmu berbanding dengan orang muda yang diibaratkan sebagai anak yang baru sahaja mengenal dunia. Dalam Islam, umatnya digalakkan untuk menjalinkan kasih sayang sesama Muslim tanpa mengira usia, status sosial, dan tempat. Perbuatan menghormati orang yang lebih tua ini merupakan akhlak mulia yang dipuji dan dituntut oleh agama. Bukan itu sahaja, perbuatan ini dianggap sebagai mengagungkan Allah SWT sebagaimana sabda Rasulullah SAW melalui Abu Musa dalam hadis Riwayat Imam Abu Daud dalam Muhammad Nashiruddin Al-Bani (2007) seperti yang berikut:

Sesungguhnya termasuk mengagungkan Allah adalah menghormati seorang Muslim yang beruban (sudah tua), pembawa al-Quran yang tidak berlebih-lebihan padanya (dengan melampaui batas) dan tidak menjauh (dari mengamalkan) al-Quran tersebut, serta memuliakan penguasa yang adil.

Lanjutan daripada itu, pengkaji mendapati satu lagi akal budi yang boleh dirungkaikan, iaitu perbuatan mencari ilmu pengetahuan. Perbuatan ini boleh dikatakan sebagai satu daripada usaha seseorang hamba itu untuk menzahirkan ketakwaan dan mengagungkan Allah SWT. Bukan itu sahaja, jika dikaitkan dengan makna peribahasa **umur setahun jagung**, jelas terjawab bahawa masyarakat Melayu, khususnya orang muda, perlu membanyakkan ilmu pengetahuan. Menurut Al-Hasan Al-Bashri

seperti yang dinyatakan dalam Ibnu Abdil Barr (2018), menuntut ilmu pada waktu kecil ibarat memahat ukiran pada batu. Kata hikmat tersebut menegaskan bahawa sewaktu umur masih muda, maklumat dan segala ilmu pengetahuan mudah dirakam dan disimpan di dalam otak. Ukiran pada batu akan kekal, begitu juga ilmu pengetahuan yang dituntut ketika masih muda. Malah, menuntut ilmu ialah kewajipan dalam Islam. Hal ini dikukuhkan lagi dengan sabda Rasulullah SAW melalui hadis yang diriwayatkan oleh Muhammad Isma'il Abu yang bermaksud:

Barang siapa menginginkan soal-soal yang berhubungan dengan dunia, wajiblah ia memiliki ilmunya; dan barang siapa yang ingin (selamat dan berbahagia) di akhirat, wajiblah ia memiliki ilmunya pula; dan barang siapa yang menginginkan kedua-duanya, wajiblah ia memiliki ilmu kedua-keduanya pula.”

Maka, jelaslah bahawa ilmu pengetahuan merupakan sesuatu yang sangat bernilai dan tinggi di sisi agama. Oleh sebab kedua-dua ilmu ini penting, maka milikilah kedua-duanya. Allah SWT sangat menyukai hambanya yang gigih mencari ilmu pengetahuan dan mengangkat darjatnya sebagaimana terjemahan (Al-Quran, 58:11) seperti yang berikut:

Hai orang-orang beriman apabila dikatakan kepadamu: 'Berlapang-lapanglah dalam majlis', maka lapangkanlah nescaya Allah akan memberi kelapangan untukmu. Dan apabila dikatakan: 'Berdirilah kamu', maka berdirilah, nescaya Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman di antaramu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat. Dan Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.

Melalui terjemahan ayat ini, jelaslah bahawa Allah SWT menyukai hamba-Nya yang mencari ilmu dan menghadiri majlis ilmu. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa falsafah dan akal budi yang terkandung di sebalik peribahasa **umur setahun jagung** ini begitu tinggi nilainya dan bukanlah sekadar merujuk orang yang berusia muda. Pengkaji mengakui bahawa peribahasa yang digunakan oleh masyarakat Melayu pada zaman dahulu mempunyai justifikasi yang tertentu dan sememangnya berkait rapat dengan kehidupan seharian.

KESIMPULAN

Unsur eufemisme yang diwakili oleh setiap objek dalam peribahasa yang dipilih sangat berkait rapat dengan kehidupan masyarakat Melayu pada zaman dahulu. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap peribahasa yang dikaji memperlihatkan pengaplikasian unsur alam sekeliling, serta turut mengadaptasikan aspek kehidupan orang Melayu. Pengadaptasian unsur eufemisme bagi menggantikan sesuatu kata dalam komunikasi harian jelas memperlihatkan ketinggian budi dan pemikiran masyarakat Melayu semasa berinteraksi sesama mereka. Hal ini turut menonjolkan sifat orang Melayu yang amat mementingkan adab dalam kehidupan seharian. Tambahan juga, fungsi peribahasa dilihat sebagai medium nasihat dan kiasan kepada pendengar. Oleh itu, perlambangan yang digunakan dalam peribahasa dengan jelasnya menerapkan unsur eufemisme sebagai usaha untuk berkomunikasi dengan lebih santun dan menjaga air muka orang sekeliling yang dikiaskan. Di samping itu, setiap peribahasa mempunyai justifikasi akal budi dan falsafahnya yang tersendiri. Maka, kajian peribahasa dan prosa klasik yang lain menerusi analisis semantik inkuisitif perlulah diperluas agar dapat menyingkap lebih banyak pemikiran dan budaya dalam kalangan masyarakat Melayu.

PENGHARGAAN

Makalah ini merupakan satu kajian di bawah pembiayaan Geran Pusat Pengurusan Penyelidikan Projek 2020 (RMCG) (RMCG20-054-0054), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

RUJUKAN

- Abdul Samad Ahmad. (1990). *Kesenian adat, kepercayaan dan petua*. The University of California: Associated Educational Distributors.
- Abdullah Hussain. (2017). *Kamus istimewa peribahasa Melayu edisi kedua*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Allan, K., & Burrige, K. (1991). *Euphemism & dysphemism: Language used as shield and weapon*. Oxford University Press.
- Al-Quran. 7:26
- Al-Quran. 33:59
- Al-Quran. 58:11
- Al-Quran. 95:4

- Asiah Abdul Rahman. (2015). *Peribahasa sekolah menengah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bahren Umar Siregar. (2010). Emosi dan kebudayaan dalam bahasa kiasan. 1 April 2011 <http://sastra.um.ac.id/wp-content/uploads/2010/01/104-Bahren-Umar-Siregar-LTBI-UAJ-Emosi-dan-Kebudayaan-dalam-Bahasa-kiasan.pdf>.
- Balakrishnan Arumugam, Mashetoh Abd. Mutalib & Melor Fauzita Md Yusoff. (2020). Unsur eufemisme dalam novel *Ranggau*. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 8–16.
- Bernama. (2018, 9 Mei). Hari rakyat lakar sejarah. [astroawani.com](https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tanggal-9-mei-2018-hari-rakyat-malaysia-lakar-sejarah-207216). <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tanggal-9-mei-2018-hari-rakyat-malaysia-lakar-sejarah-207216>
- Bradford, A. (2017, May 2). Facts about crows. [Livescience.Com](https://www.livescience.com/52716-crows-ravens.html). <https://www.livescience.com/52716-crows-ravens.html>
- Che Husna Azhari. (1999). Teknologi warna alam Melayu. *Akademika*, 51(1), 53–63.
- Deana Yusof. (2009). *Papa... (Aakhirnya kau tewas jua!)*. Pekan Ilmu Publications.
- Hamilton, A. W. (1947). *Malay proverbs*. Singapore: Eastern Universiti Press Ltd.
- Hassan Ahmad. (2003). *Metafora Melayu: Bagaimana pemikir Melayu mencipta makna dan membentuk epistemologinya*. Siri Monograf Akademi Kajian Ketamadunan. Akademi Kajian Ketamadunan.
- Hassan Ahmad. (2016). *Bahasa dan pemikiran Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibnu Abdil Barr. (2018). *Ilmu dan keutamaannya*. Pustaka Azzam.
- Isham Ash-Shababithi, Hazim Muhammad & ‘Imad ‘Amir. (1994). Dalam Wawan Djunnaedi Soffandi (Penterjemah), *Syarah shahih Muslim*, (147). Mustaqiim.
- Ismail Hamid. (2008). *Masyarakat dan budaya Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismet Fanany & Rebecca Fanany. (2003). *Wisdom of the Malay proverbs*. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Jamilah Bebe Mohamad & Noriah Mohamed. (2016). Eufemisme leksikal dan metafora kematian dalam dialek Melayu Kedah. *Journal of Education and Social Science (JESOC)*, 4(2), 331–342.
- Julaina Nopiah, Junaini Kasdan & Nor Hashimah Jalaluddin. (2017a). Refleksi dualisme durian–timun dalam peribahasa Melayu: Pendekatan semantik inkuisitif. *Jurnal Linguistik*, 21(2).
- Julaina Nopiah, Junaini Kasdan & Nor Hashimah Jalaluddin. (2017b). Elemen dualisme dalam peribahasa: Pendekatan semantik inkuisitif. *MELAYU: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 10(1), 66–88.

- Julaina Nopiah, Junaini Kasdan & Nor Hashimah Jalaluddin. (2018). Refleksi gastronomi dalam komunikasi: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 34(1), 185–201.
- Julaina Nopiah & Nur Maizatul Maisarah Nasrong. (2020). Makna ujaran implisit dalam vlog Mat Luthfi: Analisis Teori Relevans. *Jurnal Bahasa*, 20(2), 203–230. Doi:10.37052/jb20(2)no2
- Julaina Nopiah & Nur Yasmin Afifie. (2022). Pengkonsepsian rasa sebagai refleksi emosi dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Linguistik*, 26(1), 16–33.
- Junaini Kasdan. (2016). Ikan (*Pisces*) dalam peribahasa Melayu. *Iman*, 4(1), 31–42.
- Junaini Kasdan & Julaina Nopiah. (2021). Padi dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 9(1), 59–72.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kassim Ahmad. (1997). *Hikayat Hang Tuah*. Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kempson, R. (1986). Ambiguity and the semantics-pragmatics distinction.
- Kovecses, Z. (2015). *Where metaphors come from: Reconsidering context in metaphor*. Oxford University Press.
- Lakoff, G. (1987). *Women, fire and dangerous things*. Chicago University Press.
- Maniyamin Ibrahim. (1998). Memahami world view orang Melayu melalui bahasa metafora. *Dewan Bahasa*, 42(5), 388–392.
- Marini Azahri. (2015). *Naskah pelangi: Novel remaja*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamed Mustafa Ishak. (2022, 7 November). Rekod cemerlang Ismail Sabri terserlah jadi ketua pembangkang di Parlimen. <https://www.kosmo.com.my/2022/11/07/rekod-cemerlang-ismail-sabri-terserlah-jadi-ketua-pembangkang-di-parlimen/>.
- Muhammad Isma'il Abu. (2009). Sahih Bukhari. Dalam Zainuddin Hamidy (Penterjemah). Klang Book Centre.
- Muhammad Nashiruddin Al-Bani. (2007). *Sahih Sunan Abu Daud Jilid 1*. Pustaka Azam.
- Muhammad Zaid Daud. (2020). *Unggas dalam peribahasa Melayu: Satu analisis semantik inkuisitif* [Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaysia Sarawak.

- Muhammad Zaid Daud & Mary Fatimah Subet. (2019). “Sudah tidak tersudu oleh angsa, baru diberikan kepada itik”: Perspektif semantik inkuisitif dan akal budi Melayu. *Jurnal Melayu Sedunia*, 2(1), 37–62.
- Nor Hashimah Jalaluddin (2014). *Semantik dan akal budi Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2015). Pelestarian dan perekayasaan bahasa: Mendakap khazanah menenun inovasi. *Prosiding Seminar Linguistik Kebangsaan (SLik2015)*, 1–14.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2018). Peribahasa dan akal budi Melayu. Dalam Nor Hashimah dan Maslida (pynt), *Kiasan, kognitif dan akal budi Melayu*. Penerbit UKM.
- Nor Hashimah Jaluddin & Maslida Yusof. (2018). *Kiasan, kognitif dan akal budi*. Penerbit UKM.
- Nur Azimah Abdul Aziz@Mohd Salleh, Halis Azhan Mohd Hanafiah & Roslina Abu Bakar. (2018). Unsur eufemisme dalam dialog novel *Songket Berbenang Emas*. *Pertanika MAHAWANGSA (Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu)*, 5(1), 435–448.
- Nys, Y., & Guyot, N. (2011). Egg formation and chemistry. In improving the safety and quality of eggs and egg products, 83–132. Woodhead Publishing.
- Parsons, A. H. (1982). Structure of the eggshell. *Poultry Science*, 61(10), 2013–2021. <https://doi.org/10.3382/ps.0612013>
- Siti Norashikin Mohd Khalidi & Ernawita Atan. (2017). Unsur eufemisme dalam novel jalan retak karya A. Samad Said. *Journal of Business and Social Development*. 5(1), 88–101.
- Suhadan Anwar & Salmah Jan Noor Muhammad. (2016). Perhubungan gender dalam masyarakat tradisional berdasarkan *Hikayat Patani*. *Journal of Business and Social Development*, 4(2), 25–47.
- Suriati Zakaria & Nor Hashimah Jalaluddin. (2016). Konsep ruang dalam Anggun Cik Tunggal: Analisis semantik inkuisitif. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 16(3), 187–2014 DOI: <http://doi.org/10.17576/gema-2016-1603-12>.
- Syaikh Kamil Muhammad. (2008). *Fiqih wanita: Edisi lengkap*. Pustaka Al-Kautsar.
- Syauci, D., Budiwirman, M. P., & Yofita Sandra, S. P. (2018). Burung gagak sebagai ide dalam karya seni grafis. *Serupa the Journal of Art Education*, 7(1).

- Zainal Abidin Borhan. (2016). *Adat istiadat Melayu Melaka*. Institut Kajian dan Patriotisme Melaka.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. (2011). Bahasa dan pemikiran dalam peribahasa Melayu. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 11(3), 31–51.
- Zuraidah Jantan. (2009). *Unsur eufemisme dalam novel Melayu: Satu manifestasi kesopanan bahasa*. ASWARA.